

**03/03/2014 - Perasmian Pusat Pemeriksaan Kesihatan Penjawat Awam  
Putrajaya**

Assalamualaikum Warrahmatullahi Wabarakatuh,  
Salam Sejahtera dan Salam 1Malaysia.

Yang Dihormati Pengacara Majlis,

YBhg Tan Sri Mohamad Zabidi bin Zainal,  
Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam

YBhg Tan Sri Dato' Seri (Dr) Aseh bin Che Mat,  
Presiden Perbadanan Putrajaya

YBhg Datuk Farida Mohd Ali,  
Ketua Setiausaha  
Kementerian Kesihatan Malaysia

YBhg Datuk Dr Noor Hisham bin Abdullah,  
Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia

Pegawai-pegawai kanan Kementerian Kesihatan dan Perbadanan Putrajaya,

Warga Kerja Kementerian Kesihatan dan Jabatan Kesihatan Wilayah Persekutuan  
Kuala Lumpur dan Putrajaya

YBhg Dato'-Dato', Datin-Datin, Tuan-tuan dan Puan-puan para hadirin sekalian.

1. Terlebih dahulu, saya ingin melafazkan kesyukuran ke hadrat Ilahi kerana dengan limpah kurnia-Nya, saya berpeluang untuk berjumpa dan beramah

mesra dengan hadirin sekalian di dalam majlis yang bermakna ini. Saya juga ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada pihak Kementerian Kesihatan Malaysia yang sudi menjemput dan memberi peluang kepada saya untuk meninjau secara langsung perkhidmatan di Pusat Pemeriksaan Kesihatan Penjawat Awam Putrajaya, seterusnya memberi penghormatan kepada saya untuk merasmikannya sebentar nanti.

2. Seiring the Dasar Transformasi Negara yang dilaksanakan demi mencapai status sebagai sebuah negara maju berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020, Strategi Lautan Biru Kebangsaan telah diperkenalkan sejak tahun 2009 bertujuan merangka dan melaksanakan program-program untuk manfaat rakyat. Program-program yang menggunakan pendekatan Strategi Lautan Biru Kebangsaan (NBOS) dilaksanakan secara pantas, menggunakan kos yang minima atau rendah, untuk memberikan impak yang tinggi demi kesejahteraan rakyat. Negara berpendapatan tinggi tidak semestinya membawa kepada kesejahteraan rakyat sekiranya keperluan-keperluan asas dan penting seperti kesihatan rakyat tidak diberikan perhatian sewajarnya. Penyediaan perkhidmatan kesihatan yang berkualiti dalam sesebuah negara mampu mendokong sumber tenaga kerja dan modal insan yang produktif, seterusnya membantu menjana pertumbuhan ekonomi negara. Justeru itu, pelbagai inisiatif dilaksanakan termasuklah oleh Kementerian Kesihatan seperti program 1Malaysia Family Care. Program 1Malaysia Family Care menyediakan perkhidmatan kesihatan di 141 buah daerah kesihatan yang menyasarkan golongan warga emas, orang kurang upaya (OKU) dan ibu tunggal. Berdasarkan kepada pendekatan NBOS ini, maka Kementerian Kesihatan dapat mengoptimalkan penggunaan sumber sedia ada termasuk daripada aspek penyediaan doktor dan jururawat dimana sukarelawan-sukarelawan dijemput untuk bersama-sama menjayakan program tersebut.
3. Pada hari ini, kita menyaksikan pula satu lagi inisiatif Strategi Lautan Biru Kebangsaan dimana Kementerian Kesihatan dan Perbadanan Putrajaya berganding bahu menggembelngkan sumber masing-masing, demi meningkatkan penyampaian perkhidmatan kepada rakyat, khususnya penduduk dan penjawat awam di kawasan Putrajaya dan sekitarnya. Kesanggupan pihak Perbadanan Putrajaya membenarkan premis Perbadanan untuk digunakan secara percuma sebagai sebuah pusat pemeriksaan kesihatan

adalah sesuatu yang boleh dibanggakan dan patut dicontohi. Saya difahamkan inisiatif ini merupakan cetus idea daripada YBhg Datuk Ketua Pengarah Kesihatan dan YBhg Tan Sri Presiden Perbadanan Putrajaya. Sumbangan pihak Perbadanan Putrajaya yang membenarkan pihak Kementerian Kesihatan menggunakan premis tanpa kos sewa sudah tentu menjimatkan perbelanjaan Kerajaan, dalam masa yang sama mengoptimumkan penggunaan kemudahan Perbadanan yang sedia ada. Tahniah diucapkan.

Para hadirin sekalian,

4. Saya yakin pembukaan Pusat Pemeriksaan Kesihatan Penjawat Awam di Putrajaya adalah bertepatan pada masanya. Sebelum ini, semua penjawat awam yang ingin menjalani pemeriksaan kesihatan perlu ke klinik kesihatan sedia ada. Dengan adanya pusat ini, penjawat awam yang menjalani pemeriksaan tidak perlu bersesak-sesak bersama pelanggan lain yang ingin mendapatkan rawatan. Ini juga membolehkan sumber-sumber di klinik kesihatan ditumpukan kepada rawatan perubatan yang kritikal. Pemeriksaan kesihatan bagi penjawat awam berumur 40 tahun ke atas adalah amalan yang sangat digalakkan. Sepanjang tahun 2013, seramai 1,268 penjawat awam berumur 40 tahun ke atas telah menjalani pemeriksaan kesihatan di Klinik Kesihatan Putrajaya dimana 456 orang atau 36.0 peratus dikesan mempunyai sekurang-kurangnya satu masalah perubatan. Masalah perubatan yang paling banyak dikesan ialah berlebihan berat badan (20.3% daripada penjawat awam yang diperiksa), tahap kolesterol tinggi (15.8%) dan diabetes (13.7%). Pemeriksaan awal kesihatan mampu mengesan masalah kesihatan di peringkat permulaan yang membolehkan penjawat awam yang berkenaan mendapat rawatan dan mengawal masalah kesihatan dengan lebih berkesan.
5. Saya dimaklumkan bahawa pusat ini mampu menyediakan perkhidmatan pemeriksaan kesihatan untuk 25 orang sehari atau kira-kira 5500 orang setahun. Selain berpeluang menjalani pemeriksaan kesihatan, khidmat nasihat mengenai amalan gaya hidup sihat bagi mengekalkan tahap kesihatan juga boleh didapati. Saya percaya keupayaan pusat ini boleh ditingkatkan lagi secara berperingkat sehingga dapat menampung pemeriksaan kesihatan susulan dan berkala yang lebih teratur.

6. Dikesempatan ini juga, saya ingin menyeru supaya kementerian dan jabatan Kerajaan supaya aktif melaksanakan program-program kesihatan dalaman seperti melalui Jawatankuasa Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan atau kelab sukan dan kebajikan masing-masing. Program-program Kementerian Kesihatan seperti Intervensi Obesiti di Tempat Kerja dan Reben Biru (Berhenti Merokok) juga boleh dimanfaatkan. Dengan mempunyai warga yang sihat dan cergas, saya yakin jentera perkhidmatan awam akan menjadi lebih produktif, inovatif dan berdaya saing.
  
7. Akhir kata, saya ingin merakamkan ucapan tahniah dan syabas kepada semua warga Kementerian dan Jabatan Kesihatan serta Perbadanan Putrajaya yang telah menjayakan usaha penubuhan Pusat Pemeriksaan Kesihatan Penjawat Awam Putrajaya. Tidak lupa juga kepada Pengarah Kesihatan Negeri, Jabatan Kesihatan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya, serta ahli jawatankuasanya yang berjaya mengadakan majlis yang ringkas tetapi bermakna ini. Tidak ketinggalan jutaan terima kasih kepada Presiden Perbadanan Putrajaya yang membenarkan pihak Kementerian Kesihatan menggunakan ruang dan kelengkapan serta menaja jamuan makan tengah hari untuk majlis ini.

Sekian, terima kasih.